



1 Disember 2011
1 December 2011
P.U. (A) 397

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KAWALAN PERTUKARAN WANG (PERNIAGAAN PENGURUPAN WANG) (PENGECUALIAN) 2011

EXCHANGE CONTROL (MONEY-CHANGING BUSINESS) (EXEMPTION) ORDER 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S
CHAMBERS

AKTA KAWALAN PERTUKARAN WANG 1953

PERINTAH KAWALAN PERTUKARAN WANG (PERNIAGAAN PENGURUPAN
WANG) (PENGECUALIAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*], Pengawal Pertukaran Wang Asing membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Pertukaran Wang (Perniagaan Pengurusan Wang) (Pengecualian) 2011.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2011.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“Akta” ertinya Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953;

“ejen perniagaan perkhidmatan wang” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [*Akta 731*];

“pemegang lesen” ertinya seorang yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan pengurusan wang di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011;

“perniagaan pengurusan wang” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011.